

Program Pembangunan Sosio-Ekonomi Untuk Memperkasa Sara Hidup Golongan Asnaf Melayu Muslim: Tinjauan Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Noorsalwati Sabtu

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UniversitiTeknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor
 Malaysia
 noor479@salam.uitm.edu.my

Mashita Abu Hasan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UniversitiTeknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor
 Malaysia
 mashitaa@salam.uitm.edu.my

Fatimah Salleh

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UniversitiTeknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor
 Malaysia
 fatimah@salam.uitm.edu.my

Mohamad Shukran Abdul Razak

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UniversitiTeknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor
 Malaysia
 mshukran055@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam membangunkan kehidupan rakyat terutamanya golongan bumiputera Melayu. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya ialah Dasar Ekonom iBaru. Selain itu agensi kerajaan seperti PUNB, PNB, TEKUN, AGRO Bank, SME Bank dan MARDI bertindak menyediakan peluang pelaburan, suntikan modal dan bantuan subsidi khususnya kepada golongan usahawan bumiputeraMelayu untuk menceburi bidang perniagaan IKS, pertanian, penternakan dan sebagainya. Lembaga Zakat Selangor LZS (MAIS) misalnya berperanan utama dalam kutipan dan agihan zakat di Selangor khususnya. Di bawah Program Pembangunan Sosio-Ekonomi (PSEA), LZS telah melaksanakan banyak aktiviti bermanfaat untuk membantu golongan asnaf yang majoritinya Melayu Muslim antaranya pemberian suntikan modal untuk membuka perniagaan kecilan seperti kedai runcit, perusahaan makanan ringan, gerai makan, bantuan van niaga dan seumpamanya. Bentuk bantuan ini telah membantu asnaf pertingkatkan taraf hidup mereka seterusnya Berjaya mengeluarkan mereka dari zon fakir-miskin. Pada tahun 2012 misalnya seramai 219 dari jumlah 926 asnaf fakir miskin yang menerima bantuan zakat LZS Berjaya dikeluarkan dari kepompong kemiskinan. MAIS Zakat Sdn Bhd pula telah menyalurkan bantuan zakat sebanyak RM 168,000 kepada 10 usahawan asnaf melalui Program Pembangunan Sosio-Ekonomi. Kertas kerja ini bertujuan meninjausejauhmana sumbangan zakat melalui program PSEA dapat mengurangkan bebanan hidup terutamanya asnaf Melayu Muslim serta menyuntik semangat mereka berusaha memajukan diri melalui catatan agihan zakat antara tahun 2010-2014. Kajian ini diharap dapat menyebarluaskan maklumat tentang kepentingan zakat dan memberi kesedaran kepada masyarakat demi merealisasikan hasrat Negara juga LZS bahkan impian asnaf untuk hidup berdikari dan berwawasan.

Kata Kunci: Sosio-ekonomi, Lembaga Zakat, Sara hidup, Asnaf Melayu

Pendahuluan

Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin tentang nasib dan kehidupan rakyat termasuklah masyarakat pribumi Melayu. Semenjak zaman kemerdekaan hingga kini kerajaan telah melaksanakan banyak dasar ke arah pemantapan ekonomi di kalangan rakyat antaranya Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu, agensi kerajaan yang dilantik juga berperanan merealisasikan hasrat negara seperti PNB, PUNB, TEKUN Nasional dan MARDI bersedia membantu golongan usahawan bumiputera khususnya dengan bantuan modal dalam pembangunan perniagaan. Begitu juga dengan MARDI sentiasa membantu golongan petani, penternak dan peladang memajukan serta memasarkan produk pertanian atau perlادangan yang diusahakan. Agro Bank pula selaku bank pertanian dan SME Bank tidak ketinggalan berfungsi dalam membantu golongan usahawan bumiputera Melayu mendapatkan bantuan modal untuk pembangunan perniagaan dan kemahiran yang diperlukan.

Kewajipan berzakat merupakan tuntutan syarak yang wajib dilaksanakan oleh masyarakat Islam yang berkemampuan. Dalam konteks kehidupan masyarakat Islam masakini, kutipan dan agihan wang zakat yang telus serta sistematik memainkan peranan penting khususnya dalam membantu golongan asnaf yang majoritinya di Malaysia terdiri daripada masyarakat Melayu Muslim yang memerlukan. Menurut Dr. Abu Yusof al-Qardawi (Abu Yusof al-Qardawi:1999), zakat adalah rukun Islam ketiga yang difardhukan oleh Allah SWT kepada umat Islam. Zakat bermaksud bersih, subur dan bertambah manakala pengertiannya dari aspek istilah adalah menginfak sebahagian harta yang diberikan kepada golongan asnaf untuk kebaikan mereka mengikut syarat-syarat tertentu. (Dr. Rifat Abd. al-Latif Masyhur:2002). Ini bertepatan dengan suruhan dan mafhum ayat al-Quran daripada Surah al-Taubah ayat 60, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir,miskin, pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekaan budak, orang-orang yang berhutang ke jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan sebagai satu ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana.”

Daripada hadis Rasulullah SAW, baginda pernah bersabda maksudnya:

“Kawallah keselamatan harta benda kamu dengan benteng-benteng zakat.”(Riwayat Abu Dawud).

Dalam hadis yang lain, baginda berpesan yang bermaksud:

“Bentengkanlah harta kamu dengan zakat dan ubatilah penyakit kamu dengan sedekah.”(Riwayat al-Tabrani)

Kertas kerja ini cuba meninjau bantuan zakat daripada Lembaga Zakat Selangor (MAIS) khususnya melalui Program Pembangunan Sosial dan Ekonomi untuk diagihkan dan dimanfaatkan oleh golongan asnaf yang majoritinya terdiri daripada golongan asnaf Melayu Muslim yang fakir dan miskin. Sesungguhnya segala harta dan rezeki yang Allah SWT kurniakan adalah untuk dikongsi bersama bukannya untuk dieksplotasi atau dimonopoli secara individu. Tambahan lagi, manusia sebagai khalifah Allah berperanan menguruskan alam secara berhemah. (Dr. Wahbah al-Zuhaili: 2002). Berdasarkan kewajipan inilah, LZS (MAIS) telah mewujudkan lima program utama untuk agihan wang zakat secara sistematik iaitu melalui program pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan, keagamaan dan pembangunan insan. Melalui program tersebut, LZS telah merangka agenda dalam usaha membantu golongan asnaf terutamanya di kalangan asnaf Melayu Muslim yang fakir, miskin dan muallaf untuk menjalani kehidupan yang seimbang sekaligus cuba menyantuni mereka keluar daripada zon kemiskinan. (Majalah Asnaf LZS 2013 dan 2014). Hasil bantuan zakat berupa suntikan modal, bantuan pembangunan dan latihan perniagaan telah membuka

peluang kepada golongan asnaf Melayu Muslim berkenaan berusaha gigih demi mengubah nasib mereka kepada kehidupan yang lebih baik dan terjamin.

Latarbelakang Kajian

Kewajipan berzakat adalah diwajibkan kepada mereka yang berkemampuan untuk membantu golongan asnaf yang memerlukan seperti yang tercatat dalam Surah al-Taubah ayat 60. Zakat merupakan tunjang utama dalam pembelaan asnaf dan ummah Islam umumnya. Oleh itu, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) sentiasa memastikan wang kutipanzakat di Selangor dapat diuruskan dengan baik, telus dan menyeluruh di samping mengagihkannya kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya. Apa yang penting, bantuan zakat hanya berbentuk sementara dan bukannya berpanjangan. Bantuan zakat sebenarnya merupakan sumbangan dan bukannya menanggung seumur hidup asnaf. Selain itu juga perlu diingatkan bahawa bantuan zakat bukannya sumber pendapatan tetapi bantuan ke arah perubahan diri asnaf kepada yang lebih baik.

Di antara objektif Lembaga Zakat Selangor adalah diringkaskan seperti berikut:

- a) Memaksimumkan potensi kutipan zakat
- b) Membasmi atau mengurangkan masalah kemiskinan hidup asnaf
- c) Membaiki sosio-ekonomi masyarakat Islam
- d) Memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan

Di samping itu, visi dan misi LZS antaranya ialah untuk menjadi peneraju institusi-institusi zakat yang mengamalkan piawaian pengurusan zakat yang setanding di peringkat global khususnya pada umat Islam dengan penuh integrity dan profesionalisme kutipan dalam urusan serta agihan zakat.

Menurut aporan Majalah Asnaf 2013, sepanjang tahun 2012, jumlah kutipan zakat fitrah oleh LZS (MAIS) adalah sebanyak RM 18,849.8739 (4%) manakala kutipan zakat harta hasil daripada zakat pendapatan, perniagaan, wang simpanan, saham, KWSP, zakat pertanian, ternakan, emas dan perak mencapai RM 432,475,154(96%). Dilaporkan juga secara keseluruhannya jumlah kutipan zakat bagi tahun 2012 adalah RM 451.3 juta. Kaedah pembayaran zakat yang telah disediakan oleh LZS (MAIS) adalah melalui potongan gaji, kaunter zakat, talian on-line e-zakat serta agen kutipan zakat seperti bank, pejabat posdan amil IPT. (Pamplet LZS 2013). Pada tahun 2014 pula misalnya, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dilaporkan telah berjaya mengutip sebanyak RM 582,255,890 serta berupaya mengagihkan sebanyak RM 595,745,640 kepada lapan golongan asnaf. (Pamplet LZS 2014).

Ringkasan prestasi kutipan dan agihan zakat Lembaga Zakat Selangor (MAIS) bagi tahun 2010-2014 (Pamplet LZS 2014) adalah seperti berikut:

Tahun	Agihan(RM)	Kutipan (RM)
2014	582,255,890	595,745,640
2013	517,305,275	463,472,826
2012	451,325,027	401,717,682
2011	394,103,904	373,465,626
2010	336,634,526	364,946,019

Agihan dan kutipan di atas menunjukkan prestasi yang memberangsangkan oleh pengeluar zakat Selangor dari tahun ke tahun seterusnya membolehkan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) memainkan peranannya dengan berkesan dalam usaha menjelak serta mengagihkan wang kutipan zakat di kalangan asnaf. Pada tahun 2012 misalnya sejumlah 926 orang Melayu Muslim fakir, miskin dan muallaf yang menerima bantuan dari dana zakat LZS (MAIS), seramai 219 daripada mereka berjaya dikeluarkan daripada belenggu kemiskinan.

Tambahan lagi, LZS melalui MAIS Zakat Sdn. Bhd. telah menyalurkan bantuan zakat bernilai 168,000 kepada 10 orang usahawan asnaf Melayu Muslim yang fakir dan miskin di bawah Program Pembangunan sosio-ekonomi (Pamflet LZS 2014)

Agihan Wang Zakat Kepada Golongan Asnaf Di Bawah Program Pembangunan Sosial Dan Ekonomi Serta Jenis Bantuan Yang Diterima

Melalui program utama iaitu Program Pembangunan Sosial jenis bantuan yang diberikan terutamanya golongan asnaf Melayu Muslim yang fakir dan miskin adalah berbentuk kewangan dan makanan bulan, sumbangan untuk hari raya serta bina dan baik pulih rumah. Bagi golongan muallaf pula, mereka mendapat bantuan berupa kewangan bulan, sumbangan hari raya, bina dan baik pulih rumah serta pembinaan rumah perlindungan. Asnaf fisabilillah pula mendapat pemberian elauan khas pegawai dan ahli jawatankuasa masjid manakala golongan asnaf gharimin diberi bantuan hutang rawatan dialisis dan perubatan termasuk hutang biaya keperluan hidup. (Majalah Asnaf LZS 2014).

Di bawah Program Pembangunan Ekonomi pula, majoriti golongan asnaf Melayu Muslim yang fakir dan miskin serta golongan muallaf menerima bantuan modal sebagai aset memulakan kerjaya baru mengikut kemampuan dan kemahiran yang mereka ada. Antara sumbangan ini adalah dalam bentuk pemberian suntikan modal bagi memulakan atau memajukan perniagaan seperti pengusaha kedai runcit, perusahaan makanan ringan, gerai makan, kemudahan van bermiaga dan sebagainya. (Majalah Asnaf LZS 2014)

Strategi Lembaga Zakat Selangor Dalam Menjejaki Asnaf Zakat

Dalam tempoh dua puluh tahun penubuhan Lembaga Zakat Selangor (MAIS), pelbagai inovasi dan inisiatif dilakukan bagi memperkasakan pengurusan zakat di negeri Selangor terutamanya dari segi memantapkan proses pengagihan zakat kepada asnaf. Oleh itu modenisasi telah dibuat oleh LZS yang merangkumi bukan sahaja kepada penggunaan teknologi semata-mata malah meliputi cara memudahkan pemohon zakat serta pengagihannya.

LZS contohnya giat menjalankan inisiatif agar berlaku modenisasi dalam pengagihan zakat di Selangor. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LZS(MAIS), Mohamed Izam Mohamed Yusof menyatakan usaha penambahbaikan telah dilakukan antaranya rungutan pemohon zakat mengenai borang permohonan yang banyak. Justeru itu, LZS telah meringkaskan borang permohonan zakat yang sebelum ini sebanyak lapan helai kepada sehhelai sahaja. Malah beliau menambah lagi pendekatan menyantuni asnaf turut ditambah baik dengan mengaplikasikan empat langkah utama melibatkan proses CARI, SIASAT, BANTU diikuti TINDAKAN SUSULAN. Melalui empat langkah ini, proses menyantuni asnaf dijangka akan menjadi lebih sistematik serta bantuan zakat yang disalurkan lebih berkesan.

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam mengutip dan mengagih dana zakat, LZS amat teliti dalam mengagihkan kembali dana agar ia benar-benar menepati golongan sasaran. Antara strategi atau tahap selidik yang dilaksanakan sebelum sesuatu bantuan daripada dana zakat dihulurkan adalah seperti berikut:

JEJAK/CARI

Kaedah pencarian asnaf Melayu Muslim yang fakir miskin turut diperbaharui berbanding mula-mula LZS ditubuhkan. Oleh itu, LZS telah memperkenalkan program turun padang secara intensif dikenali Skuad Jejak Kemiskinan SJK pada tahun 2011.Tumpuan utama diberikan kepada kawasan perumahan kos rendah di bandar. Matlamatnya ialah mencari golongan asnaf yang layak tetapi tidak berdaftar dengan LZSatas faktor tidak tahu bagaimana hendak memohon. Ini merupakan aktiviti rutin LZS di semua daerah di negeri Selangor.

Di samping itu, LZS (MAIS) cuba menjelaki golongan asnaf berkenaan berpandukan kepada alamat dan borang aduan yang diberikan oleh asnaf berkenaan ataupun melalui aduan pihak orang awam yang mendapati terdapat individu fakir miskin di tempat mereka.

Melalui modenisasi perkhidmatan agihan zakat, LZS telah membuka kaunter Ekspres Agihan Zakat di ibu pejabat LZSuntuk membantu mereka yang dalam kesempitan dan memerlukan bantuan segera.Melalui kaunter Ekspres ini, bantuan kadar segera akan disalurkan dalam masa dua jam selepas permohonan lengkap dengan kadar bantuan maksimum RM 500 mengikut keperluan dan syarat-syarat tertentu.Kini, perkhidmatan kaunter Ekspres diperluaskan ke 18 buah cawangan seluruh Selangor. Begitu juga dengan perkhidmatan Kaunter Bergerak yang dilancarkan tahun 2011berperanan membantu aktiviti kutipan dan agihan zakat khususnya di lokasi yang jauh dari cawangan LZS.(Majalah Asnaf 2014)

SIASAT

LZS (MAIS) kemudiannya menyiasat latar belakang bakal asnaf tersebut dari sudut pendapatan yang memenuhi had kifayah dan jumlah tanggungan mereka yang telah ditetapkan oleh pihak LZS.Peningkatan jumlah keluarga asnaf Melayu Muslim yang fakir dan miskin di Selangor setiap tahun menyebabkan LZS mencari satu formula menguruskan asnaf agar tidak terus-terusan menerima bantuan zakat sepanjang hayat.Misalnya pendekatan Pengurusan Kitaran Hidup Asnaf (PKHA), LZS bakal mampu menyantuni keluarga asnaf Melayu Muslim yang fakir dan miskin dengan lebih terancang di samping membangunkan taraf kehidupan mereka.Secara ringkasnya, dengan PKHA ini, setiap keluarga asnaf yang berdaftar bawah LZS akan mempunyai profil lengkap dari ketua keluarga hingga isi rumahnya.Ini memudahkan LZS merencanakan keperluan bantuan serta program pembangunan yang bersesuaian untuk sesebuah keluarga.Pemantauan akan dilakukan hingga mereka mampu berusaha sendiri serta berdikari yang akhirnya boleh keluar dari golongan asnaf.

BANTU

LZS (MAIS) akan mengagihkan bantuan zakat mengikut tanggungan dan keperluan asnaf. Bagi asnaf yang bercadang untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan, mereka akan diberi bantuan kewangan berupa suntikan modal yang diperlukan untuk memulakan sesuatu perniagaan atau mengembangkan lagi perniagaan yang sedia ada.Begitu juga dengan bantuan sampingan yang diperlukan seperti van perniagaan, tambahan mesin jahit atau menambah ruang kedai dan taska.Selain daripada bantuan material, LZS,telah mengambil inisiatif memberi perkhidmatan kaunseling berlandaskan pendekatan Islam daripada Kaunselor bertauliah bagi membantu asnaf yang menghadapi kesulitan hidup agar mengatasinya dengan tabah sekaligus meningkatkan keyakinan diri serta keluarga.(Majalah Asnaf 2014)

PANTAU/TINDAKAN SUSULAN

LZS (MAIS) juga mengarahkan agar asnaf yang berjaya terpilih dalam bidang perniagaan diminta menghadiri kursus atau bengkel kemahiran agar usaha LZS memberikan modal dari dana zakat benar-benar membawa hasil yang diinginkan. Mereka juga diberikan khidmat nasihat untuk memotivasi diri dalam usaha menjadi modal insan yang efektif dan produktif. Langkah ini sedikit sebanyak telah menyuntik semangat dan inspirasi kepada beberapa golongan asnaf yang majoritinya golongan Melayu Muslim telah menempa kejayaan. (Hamizul Abd. Hamid:2013)

SUSULAN

Kemudian diikuti dengan tindakan susulan oleh LZS (MAIS) di mana wakil LZS akan meninjau semula perkembangan yang berlaku ke atas usaha yang telah dijalankan oleh para asnaf. LZS(MAIS) juga bersedia memberikan apa-apa bantuan susulan bagi membolehkan golongan asnaf berkenaan berusaha berdikari sekali gus cuba mengeluarkan diri dari belenggu kemiskinan seterusnya menjadi penyumbang kepada dana zakat. Inilah harapan serta impian pihak LZS khususnya dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor khususnya..

Kini kejayaan yang telah dicapai oleh para asnaf Melayu Muslim di Selangor telah dibukukan oleh Encik Hamizul Abdul Hamid selaku Eksekutif LZS dengan judul "Jejak-Jejak Kejayaan Asnaf: Pengalaman LZS Memperkasa Asnaf Zakat" yang telah berjaya diterbitkan pada tahun 2013. Buku ini sedikit sebanyak dapat menyemarakkan lagi semangat asnaf Melayu Muslim yang lain untuk berkongsi pengalaman disamping memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu Muslim lain untuk sama berusaha membaiki taraf hidup tanpa mengemis dan mengharap bantuan kerajaan semata - mata.

Agihan wang zakat kepada golongan asnaf di bawah kedua-dua program tersebut boleh diringkaskan seperti rajah berikut:

1. Bantuan Terbesar Di bawah Program Pembangunan Sosial

Asnaf Melayu Muslim	Jenis bantuan	Jumlah penerima	Jumlah Agihan (RMJuta)	
Fakir dan miskin	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan &makanan bulanan • Sumbangan hari raya • Bina dan baik pulih rumah 	15,698 37,355 1,427	50.3 27.0 20.3	
Muallaf	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan bulanan • Sumbangan hari raya • Bina dan baik pulih rumah • Pembinaan rumah perlindungan 	3,188 4,413 61 1	12.1 2.7 2.9 2.2	
Fisabilillah	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun pegawai & AJK masjid 	4,356	7.8	
Gharimin	<ul style="list-style-type: none"> • Hutang 	4,974	49.3	

	rawatan dialisis& perubatan • Hutang untuk Keperluan hidup	2,923	5.9	
--	---	-------	-----	--

2. Bantuan Zakat Lzs Di bawah Program Pembangunan Ekonomi

Asnaf Melayu	Jenis bantuan	Jumlah Penerima	Jumlah Agihan (RM Juta)	
Fakir dan miskin	Bantuan modal	1,859	9.7	
Muallaf	Bantuan modal	42	0.6	

Dapatan dan Perbincangan

Lembaga Zakat Selangor(MAIS) adalah di antara institusi zakat yang bergerak aktif dalam menjalankan tanggungjawab mengutip dan mengagihkan hasil wang zakat terutamanya melibatkan umat Islam di negeri Selangor.Berdasarkan keterangan dan peranan yang telah dilaksanakan oleh Lzs (MAIS) iaitu penekanan terhadap lima program besar yang disusun khususnya melalui program pembangunan sosial dan ekonomi banyak membantu golongan asnaf terutamanya golongan Melayu beragama Islam untuk cuba berusaha berdikari sekaligus mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan .

Berikut adalah beberapa contoh golongan asnafMelayu yang berjaya melepas diri daripada kemiskinan hidup hasil daripada bantuan dana zakat oleh Lzs (MAIS).

Mereka adalah di antara sebahagian besar asnaf di negeri Selangor yang mendapat manfaat daripada wang kutipan zakat oleh masyarakat Islam Selangor.Ini membuktikan dengan usaha gigih yang tidak mengenal erti putus asa, akhirnya mereka berjaya mengubah corak nasib diri dan keluarga daripada kesusahan hidup.Inilah berkat daripada wang zakat oleh masyarakat Islam Selangor selaku pengeluar zakat.

Tinjauan Pengakuan Atau Testimoni Penerima Zakat Di Kalangan Asnaf Melayu Muslim Negeri Selangor

Tinjauan ini dibuat berdasarkan kepada temubual , cacatan dalam Majalah Asnaf Lzs 2014 termasuk pengalaman pahit getir asnaf yang telah berjaya seperti yang diceritakan dalam buku Jejak-jejak Kejayaan Asnaf terbitan Lzs (MAIS)2013.

Yang pertama misalnya Encik Adam Patmanadan Abdullah selaku usahawan yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan, pindah barang, mengangkut sampah dan sebagainya dengan lori yang dibeli daripada sumbangan zakat dari Lzs.

Seterusnya wang zakat kuatkan semangat Mohd. Izhar Abdul seorang OKU(asnaf orang kurang upaya) , merupakan asnaf yang mengusahakan sendiri perniagaan air soya di Pasar Tani Mega, Shah Alam hasil daripada modal wang zakat yang diberikan.Beliau merasakan kecacatan tubuh badan bukannya penghalang untuk mengecap kejayaan seperti insan lain yang sempurna tetapi malas berusaha.

Menurut Puan Norhidayuwani Kasim pula , seorang pengusaha produk makanan seperti roti, coklat, biskut, pizza dan muffin amat bersyukur serta berterima kasih kepada Lzs yang sudi berikan ketuhar baru jauh lebih baik dan besar demi memajukan dan memudahkan lagi perniagaan beliau.

Begitu juga dengan pengusaha perniagaan di bazaar Ramadan,Puan Hanisah Bedu yang mendapat suntikan modal perniagaan daripada Lzs. Beliau mengaku kini

keadaan keluarga sudah banyak berubah setelah dsantuni oleh LZS. Bantuan ini turut menyemarakkan lagi semangat beliau untuk terus berusaha dengan lebih gigih membaiki sara hidup keluarga beliau.

Seorang lagi usahawan kedai runcit, Puan Rasimah Haimi peruncit yang menyediakan pelbagai kelengkapan keperluan rumah tangga dan menjual makanan di desa Kasih, Sekinchan, Selangor yang menerima bantuan zakat dalam bentuk membaik pulih kedai berjumlah hampir RM 10,000. Beliau amat bersyukur dengan bantuan LZS yang telah mengajar beliau hidup berdikari seterusnya berazam menjadi pembayar zakat melalui rezeki yang beliau perolehi.

Begitu juga dengan usahawan Melayu pembekal pelbagai kek dan roti segar untuk dipasarkan sekitar Shah Alam iaitu Encik Haizam Sudin yang mendapat suntikan modal dari LZS. Beliau akhirnya mampu berusaha sendiri dan berdikari mengubah destini nasib beliau serta keluarga.

Seterusnya pengusaha ternakan kambing dan lembu yang berjaya iaitu Encik Hanafi Pai'man. Beliau amat bersyukur kerana dengan bantuan zakat LZS, banyak meringankan bebanan hidup keluarganya terutamanya yang melibatkan kos pendidikan anak-anak beliau.

Seorang lagi usahawan hasil tani, Encik Saharani Abu bakar iaitu penjual sayuran dan tanaman jagung segar dari ladang bersyukur dengan bantuan van perniagaan yang bernilai RM 24,000 daripada wang zakat LZS.

Di samping itu, LZS turut membantu asnaf Melayu Muslim bergelar ibu tunggal seperti arwah Puan Maimon Abdul Mutalib untuk mendapatkan rawatan perubatan kanser manakala Puan Nooraini Saidin pula diberi bantuan lori kecil untuk memudahkan perniagaan sayuran beliau.

Mereka di atas merupakan antara contoh asnaf melayu Muslim yang telah berjaya mengubah destini cara hidup daripada asnaf zakat bertukar menjadi pembayar zakat .

Ringkasnya, berdasarkan cacatan ini, LZS telah berjaya menyuntik semangat sebahagian besar golongan asnaf Melayu beragama Islam agar belajar hidup berdikari tanpa terlalu bergantung kepada bantuan wang zakat sepanjang hayat mereka. Apa yang penting ialah perlunya semangat rajin, gigih, usaha, sabar, tawakal serta redha atas ketentuan Ilahi. Pepatah Melayu ada mengatakan `rajin dan usaha tangga kejayaan', `kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'.

Begitu juga dengan firman Allah SWT dalam Surah ar-Rad ayat 11 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Kesimpulan

Lembaga Zakat Selangor merupakan institusi zakat yang bergerak aktif dalam menjalankan tanggungjawab mengutip dan mengajihkan hasil wang zakat terutamanya melibatkan umat Islam di negeri Selangor. Di negeri Selangor, LZS melalui Program Pembangunan Sosial dan Ekonomi sentiasa komited dalam menghulurkan dana, bantuan peralatan dan suntikan modal kepada golongan asnaf yang sebahagian besarnya terdiri daripada masyarakat asnaf Melayu Muslim untuk memperbaiki sara hidup mereka dan keluarga. Program LZS ini disarankan patut diperluaskan dan dicontohi aplikasinya secara menyeluruh oleh Lembaga Zakat negeri-negeri lain di Malaysia dalam mengurangkan kebergantungan hidup dengan wang zakat selama-lamanya. Namun begitu, kesungguhan dan kegigihan para asnaf sangat diperlukan sebagai kunci utama untuk membolehkan mereka keluar dari kemelut kemiskinan atau maju setapak lagi sehingga akhirnya mereka mampu berjaya menjadi pembayar zakat, bersesuaian firman Allah SWT seperti yang termaktub dalam Surah ar-Rad: 11 dan Allah SWT juga telah berpesan kepada orang Islam supaya jangan mudah berputus harap dalam mengharungi arus kehidupan . Apa yang penting ialah selalu rajin

berusaha, tawakal dan berserah pada ketentuan Ilahi dengan ikhlas. Sesungguhnya Allah sentiasa bersama dengan orang-orang yang sabar. Amin.

RUJUKAN

- Abu Yusof al-Qardhawi, (1999), *Fiqh al-Zakat: A Comparative Study*, London, Dar at-Taqwah Ltd.
- Dr. Rif'at Abd. al-Latif Masyhur, (2002), *Zakat Penjana Ekonomi Islam*, Penerbitan al-Hidayah, Kuala Lumpur.
- Wahbah az-Zuhaili, (2002), *Fiqh dan Perundangan Jilid iv*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hamizul Abdul Hamid, (2013), *Jejak-jejak Kejayaan Asnaf: Pengalaman LZS memperkasa asnaf zakat*, terbitan Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
- Pamlet LZS 2013 dan 2014
- Buletin Lembaga Zakat Selangor 2013 dan 2014
- Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2013
- Az-Zakat :Spirit, Realisation and Obligation (Achievement of Lembaga Zakat Selangor (MAIS), 2014, terbitan Lembaga Zakat Selangor.
- Temubual dengan Pegawai Eksekutif Zakat dan Pegawai Perancangan Korporat (Penyelidikan) Lembaga Zakat Selangor di Shah Alam pada 31hb. Julai 2015 pada jam 10 45 – 12 00 a.m.